

Kata Sendi

Info Kata Sendi

1. Kata Sendi ialah kata tugas yang terletak di hadapan kata nama atau frasa nama.
2. Kata Sendi yang berbeza mempunyai fungsi yang berbeza.

Kata Sendi	Penggunaan
dari	<ul style="list-style-type: none"> ~ menyatakan waktu atau masa ~ arah tempat
daripada	<ul style="list-style-type: none"> ~ merujuk kepada unsur abstrak ~ merujuk kepada asal sesuatu kejadian ~ merujuk kepada orang atau haiwan ~ menyatakan perbandingan ~ menunjukkan keanggotaan
pada	<ul style="list-style-type: none"> ~ menyatakan masa ~ menunjukkan tempat bagi sesuatu perbuatan ~ merujuk kepada unsur abstrak ~ merujuk kepada manusia
kepada	<ul style="list-style-type: none"> ~ menyatakan arah yang merujuk kepada manusia / haiwan ~ menyatakan pecahan ~ merujuk kepada institusi yang ada kaitan dengan manusia
ke	<ul style="list-style-type: none"> ~ menyatakan tempat ~ menyatakan arah ~ merujuk kepada benda konkrit yang tidak bernyawa ~ merujuk kepada masa
di	<ul style="list-style-type: none"> ~ menyatakan tempat
oleh	<ul style="list-style-type: none"> ~ digunakan selepas kata kerja pasif yang berawalan di- dan ter-

dengan	<ul style="list-style-type: none">~ menyatakan maksud bersama-sama~ merujuk kepada sesuatu itu dilakukan~ menyatakan keadaan perbandingan yang setara
dalam / antara	<ul style="list-style-type: none">~ membawa maksud tentang~ menyatakan tempat yang tidak mempunyai ruang atau jarak~ merujuk kepada masa/waktu tertentu
untuk/bagi	<ul style="list-style-type: none">~ menyatakan perhubungan yang membawa maksud tujuan~ menyatakan maksud buat~ menyatakan maksud waktu yang ditentukan
demi	<ul style="list-style-type: none">~ menyatakan untuk, bagi maksud tujuan~ menyatakan kerana, bagi maksud tujuan~ menyatakan maksud penegasan
akan/kepada/terhadap	<ul style="list-style-type: none">~ menyatakan perasaan atau sikap manusia
tentang	<ul style="list-style-type: none">~ menyatakan maksud berkenaan dengan hal/dibicarakan
hingga/sampai	<ul style="list-style-type: none">~ menyatakan perihal peringkat~ menyatakan had masa~ menyatakan waktu~ menyatakan tempat
sejak/sementara	<ul style="list-style-type: none">~ menyatakan maksud bermula dari suatu masa tertentu
sebagai	<ul style="list-style-type: none">~ menyatakan makna seakan-akan/seumpama~ menyatakan makna menjadi/selaku

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang **paling sesuai**.

- 1 Gerakan mencari mangsa bot karam itu akan diteruskan _____ pagi esok.
- A dari
 - B sejak
 - C hingga
 - D daripada
- 2 Abang Zaki mengambil gambar kami _____ menggunakan kamera Nikon.
- A di
 - B pada
 - C dengan
 - D kepada
- 3 Angin Monsun Timur Laut dijangka akan bertiup kencang _____ bahagian utara.
- A ke
 - B di
 - C pada
 - D hingga
- 4 Kelawar keluar mencari makanan _____ waktu malam.
- A di
 - B pada
 - C hingga
 - D daripada
- 5 Tudung saji itu digantung _____ dinding bersebelahan dengan bilik emak.
- A di
 - B pada
 - C dalam
 - D dengan
- 6 Nadia memasukkan sampah _____ dalam tong sampah.
- A di
 - B ke
 - C pada
 - D dengan

- 7 Aimee berjalan kaki ke sekolah _____ adiknya, Aina pada setiap pagi.
- A bagi
 - B demi
 - C antara
 - D dengan
- 8 Kak Kiah membuat sebiji kek coklat _____ hari jadi anaknya.
- A bagi
 - B demi
 - C untuk
 - D kepada
- 9 Para remaja dinasihati supaya tidak terpengaruh _____ budaya barat yang tidak bermoral.
- A dengan
 - B terhadap
 - C kepada
 - D Pada
- 10 Encik Amir menjolok buah rambutan yang tinggi itu _____ galah.
- A untuk
 - B pada
 - C dengan
 - D kepada
- 11 Seminar Bahasa Melayu itu telah dihadiri oleh para peserta _____ Sabah dan Sarawak.
- A daripada
 - B hingga
 - C sampai
 - D dari
- 12 Sepasang baju kurung biru itu dibelinya _____ ibu di kampung.
- A akan
 - B untuk
 - C kepada
 - D daripada

- 13 Mereka sedang berbincang _____ kenaikan harga barang-barang keperluan harian.
- A tentang
 - B akan
 - C untuk
 - D sejak
- 14 Mak Cik Mimah termenung sendirian di jendela rumahnya kerana rindu _____ anaknya yang menuntut di Mesir.
- A oleh
 - B akan
 - C dengan
 - D kepada
- 15 Borang cadangan itu hendaklah dimasukkan _____ dalam peti yang berwarna hitam.
- A di
 - B ke
 - C pada
 - D dengan
- 16 Projek perumahan Mega sudah terbengkalai _____ tiga tahun yang lalu.
- A dari
 - B sejak
 - C hingga
 - D sampai
- 17 Menara Berkembar Petronas terdiri _____ dua buah bangunan yang sama bentuknya.
- A dari
 - B pada
 - C dengan
 - D daripada

- 18 Kejayaan kita dalam pelajaran bergantung _____ daya usaha kita sendiri.
- A oleh
 - B pada
 - C kepada
 - D daripada
- 19 Perompak bank itu menyerah diri _____ pihak polis petang semalam.
- A kepada
 - B dengan
 - C pada
 - D ke
- 20 "Hadiah itu _____ kamu, Zetty," kata Salina.
- A pada
 - B untuk
 - C dengan
 - D kepada
- 21 Murid-murid Tahun 6 Ceria sedang berkumpul _____ padang sekolah.
- A di
 - B ke
 - C dari
 - D pada
- 22 Tabung uji itu jatuh _____ lantai lalu pecah.
- A di
 - B ke
 - C pada
 - D kepada
- 23 "Kami akan pergi ke rumahnya _____ pukul 4.00 petang," kata Shah kepada Razman.
- A kepada
 - B hingga
 - C pada
 - D di

- 24 Adik Airil sayang _____ Si Comel, kucing Siam yang dihadiahkan oleh Kak Noni.
- A dengan
 - B akan
 - C pada
 - D untuk
- 25 Paras air sungai Kelantan sentiasa dicatat _____ semasa ke semasa .
- A dari
 - B pada
 - C kepada
 - D daripada
- 26 Kita harus bersikap belas kasihan _____ binatang.
- A akan
 - B bagi
 - C untuk
 - D terhadap
- 27 Haziq tidak pernah menghubungi kami _____ berpindah ke bandar Ipoh.
- A demi
 - B bila
 - C pada
 - D semenjak
- 28 Dia menyusun batu-bata itu satu _____ satu di bawah rumahnya.
- A demi
 - B untuk
 - C pada
 - D kepada
- 29 Skim pinjaman buku teks disediakan _____ pelajar yang kurang mampu.
- A demi
 - B bagi
 - C akan
 - D pada

30 Encik Rasdi gemar _____ muzik irama tradisional sebagai halwa telinga.

- A akan
- B untuk
- C pada
- D hingga

31 Kereta yang terlibat dalam kemalangan itu, adalah _____ Kuala Kangsar _____ Kedah.

- A di ...ke
- B dari ... ke
- C di ... kepada
- D daripada ...kepada

32 _____ hari raya yang mulia ini, kita haruslah bermaaf-maafan antara satu _____ yang lain.

- A Di ...terhadap
- B Pada ...dengan
- C Di ... dengan
- D Pada ...terhadap

33 Hazim mengecat ruang tamu biliknya _____ yang disuruh _____ ayahnya.

- A seperti ...oleh
- B bagai ...dari
- C sebagai ...akan
- D umpama ... di

34 Amir Hafiz menghantar e-mel _____ abangnya yang berada _____ Ireland.

- A akan ... di
- B untuk ...dari
- C kepada ... di
- D dengan ... dari


- 35 Abang Haikal bekerja sebagai pembantu tadbir _____ Pejabat Daerah Kinta.
- A di
 - B ke
 - C dari
 - D kepada
- 36 “Lebih baik membaca buku _____ asyik bermain sahaja,” kata emak kepada Kamil.
- A dari
 - B pada
 - C kepada
 - D daripada
- 37 Rumah Balqis terletak _____ antara rumah Kamalia dengan rumah Zila.
- A di
 - B ke
 - C dari
 - D pada
- 38 Hafis Hashim mempamerkan permainan yang menarik _____ awal hingga akhir permainan.
- A ke
 - B dari
 - C kepada
 - D daripada
- 39 Semua borang penyertaan mestilah sampai kepada kami sebelum atau _____ 22 Februari 2008.
- A dari
 - B pada
 - C kepada
 - D daripada
- 40 Perompak itu menikam Pak Sharif _____ belakang semasa cubaan merompaknya.
- A di
 - B ke
 - C dari
 - D daripada

- 41 Pasar raya baru itu terdiri _____ beberapa tingkat.
- A di
 - B dari
 - C kepada
 - D daripada
- 42 Lagu "Si Baju Hijau" ini ditujukan khas _____ para perajurit.
- A ke
 - B pada
 - C kepada
 - D daripada
- 43 Suzila mempunyai tahi lalat manis _____ bawah dagunya.
- A di
 - B ke
 - C kepada
 - D daripada
- 44 Aduan _____ para pekerja kilang Tanako itu harus diberi perhatian.
- A ke
 - B dari
 - C kepada
 - D daripada
- 45 Bantuan kewangan telah disampaikan _____ keluarga mangsa-mangsa banjir.
- A dari
 - B pada
 - C kepada
 - D daripada
- 46 Jam tangan yang berwarna keemasan itu diimport _____ Perancis.
- A ke
 - B dari
 - C pada
 - D daripada

- 47 Perbicaraan kes samun itu akan disambung _____ minggu hadapan.
- A di
 - B oleh
 - C akan
 - D pada
- 48 Majlis keraian itu akan diadakan _____ rumah Tok Penghulu Muda.
- A di
 - B dari
 - C demi
 - D kepada
- 49 Setiap pasukan bola jaring yang akan bertanding mestilah terdiri _____ tujuh orang pemain.
- A dari
 - B dalam
 - C daripada
 - D kepada
- 50 Maria telah menunjukkan bakat kepemimpinannya _____ di bangku sekolah lagi.
- A daripada
 - B hingga
 - C sejak
 - D dari
- 51 "_____ pendapat kamu mengapakah kelakuannya berubah sejak akhir-akhir ini?" tanya Kamil.
- A Di
 - B Pada
 - C Sejak
 - D Daripada
- 52 Gunasegaran tidak bekerja _____ kemalangan itu.
- A sejak
 - B hingga
 - C kepada
 - D daripada

- 53 Anggota pasukan keselamatan sanggup berkorban nyawa _____ mempertahankan kedaulatan negara.
- A demi
 - B pada
 - C bagai
 - D daripada
- 54 Pelancong-pelancong yang datang _____ Malaysia amat tertarik oleh keindahan alam semula jadi dan keramahan para penduduk di sini.
- A di
 - B ke
 - C dari
 - D pada
- 55 Nabila telah menulis surat _____ Guru Besarnya untuk meminta kebenaran menggunakan dewan sekolah pada 30 Mac 2008.
- A di
 - B ke
 - C pada
 - D kepada
- 56 Luka _____ kaki kirinya akibat terpijak kaca belum sembuh lagi.
- A pada
 - B dengan
 - C kepada
 - D daripada
- 57 Badrul sangat sayang _____ Nenek Miah yang menjaganya selama ini.
- A ke
 - B pada
 - C akan
- 58 Nyanyian Sheila Majid lebih merdu _____ nyanyian Ellie.
- A di
 - B kepada
 - C dengan
 - D daripada

Soalan 59 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

59 Nathan menendang bola itu _____ penjuru kanan pintu gol.

- A ke
- B dari
- C kepada
- D dengan

60 Sekolah akan ditutup _____ hari Khamis ini kerana cuti Hari Pekerja.

- A di
- B ke
- C demi
- D pada

Soalan 61 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

- 61 Pelayan itu sedang menghidangkan makanan _____ para tetamu.
- A serta
 - B untuk
 - C supaya
 - D daripada
- 62 Kami dijangka _____ lewat sampai _____ Pulau Langkawi kerana kereta mengalami kerosakan.
- A dari ... di
 - B akan ... di
 - C akan ... dari
 - D dengan ... ke
- 63 Tuan Guru Besar telah diminta untuk menyampaikan hadiah _____ para pemenang.
- A ke
 - B pada
 - C untuk
 - D kepada

- 64 Kedua-dua orang anak Puan Yati dapat menulis dan membaca _____ lancar walaupun masih kecil.
- A bagi
 - B hingga
 - C dengan
 - D kepada
- 65 Pembinaan rumah kos sederhana itu akan dilaksanakan _____ Syarikat Seri Maju Sendirian Berhad.
- A oleh
 - B sejak
 - C dengan
 - D daripada
- 66 Encik Mustafa sedang membersihkan longkang yang berlumut _____ belakang rumahnya.
- A di
 - B akan
 - C pada
 - D untuk
- 67 _____ masa pendudukan Jepun, makanan dan barang-barang keperluan amat sukar didapati serta mahal pula.
- A Di
 - B Dari
 - C Pada
 - D Untuk
- 68 Lolongan anjing yang sayup-sayup itu datangnya _____ arah bukit sana.
- A di
 - B dari
 - C pada
 - D daripada

- 69 "Ayah amat bangga _____ kejayaan kamu mendapat 5A _____ UPSR," kata ayah kepada Farhan.
- A di ...dengan
 - B bagi ... pada
 - C oleh ... di
 - D akan ... dalam
- 70 Mereka pergi ke Cameron Highlands _____ menaiki sebuah bas yang disewa khas oleh pihak sekolah.
- A oleh
 - B untuk
 - C dengan
 - D daripada
- 71 Baju kurung itu dibeli _____ Puan Zuraida di Pasar Raya Fajar semasa Karnival Jualan Murah pertengahan bulan yang lalu.
- A bagi
 - B oleh
 - C untuk
 - D kepada
- 72 Abang Haris berdiri _____ stesen bas sambil memerhatikan gelagat orang ramai yang lalu-lalang.
- A di
 - B ke
 - C dari
 - D daripada
- 73 Pekerja-pekerja kontrak itu bergegas pulang _____ rumah masing-masing setelah selesai bekerja.
- A di
 - B ke
 - C dari
 - D kepada

- 74 Mesyuarat bulanan ini adalah _____ ahli lembaga pengarah Syarikat Suria sahaja.
- A bagi
 - B pada
 - C untuk
 - D kepada
- 75 Sekolah akan mula bercuti _____ akhir minggu ini.
- A di
 - B dari
 - C bagi
 - D pada
- 76 Dua orang pelajar sekolah itu menerima sijil penghargaan _____ pihak polis kerana memberikan maklumat sehingga tertangkapnya penjenayah yang paling dikehendaki itu.
- A dengan
 - B dari
 - C bagi
 - D daripada
- 77 Cikgu Marzuki menyampaikan ceramah _____ pentingnya ilmu pengetahuan.
- A dari
 - B kepada
 - C tentang
 - D daripada

Soalan 78 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

- 78 Segala persediaan _____ menghadapi peperiksaan pertengahan tahun telah saya lakukan sejak awal tahun lagi.
- A bagi
 - B sejak
 - C kepada
 - D dengan
- 79 Kereta mainan itu dibeli _____ anak saudara kesayangannya.
- A bagi
 - B untuk
 - C kepada
 - D dengan
- 80 " _____ bila kamu pandai berbohong?" herdik Cikgu Lokman kepada Jamil.
- A Dari
 - B Pada
 - C Sejak
 - D Daripada
- 81 Lagu "Cahaya Cinta" nyanyian Datuk Siti Nurhaliza itu ditujukan _____ tunangnya yang jauh di perantauan.
- A pada
 - B dengan
 - C kepada

Soalan 82 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

- 82 Perkara itu telah diadakan _____ ketua kampung.
- A ke
 - B pada
 - C dengan
 - D kepada
- 83 Datuk sedang bercerita _____ pengalaman hidupnya semasa berada diperantauan.
- A bagi
 - B untuk
 - C tentang
 - D daripada
- 84 Buah mangga itu dikupas oleh ibu _____ sebilah pisau yang tajam.
- A dengan
 - B hingga
 - C tentang
 - D daripada

- 85 Patung wayang kulit diperbuat _____ kulit kambing yang telah dikeringkan.
- A oleh
 - B dari
 - C dengan
 - D daripada
- 86 Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita mestilah patuh _____ undang-undang negara.
- A bagi
 - B pada
 - C kepada
 - D dengan
- 87 Para pelajar memperoleh pengetahuan yang berguna _____ lawatan sambil belajar ke Melaka tempoh hari.
- A dari
 - B untuk
 - C dengan
 - D daripada
- 88 Pak Cik Zainal tidak bersetuju _____ cadangan anaknya untuk menjual tanah bendang di hujung kampung mereka.
- A akan
 - B untuk
 - C dengan
 - D tentang
- 89 Galah yang panjang itu digunakan _____ mengait buah rambutan yang sedang masak.
- A untuk
 - B kepada
 - C dengan

- 90 Rekod kedatangan itu hendaklah diserahkan _____ pejabat sebelum pukul sembilan pagi pada setiap hari.
- A di
 - B ke
 - C pada
 - D kepada

SKEMA JAWAPAN KATA SENDI

- | | | | | | |
|-----|---|-----|---|-----|---|
| 01. | B | 31. | B | 61. | B |
| 02. | C | 32. | C | 62. | C |
| 03. | C | 33. | D | 63. | D |
| 04. | B | 34. | B | 64. | C |
| 05. | B | 35. | A | 65. | A |
| 06. | B | 36. | D | 66. | A |
| 07. | D | 37. | A | 67. | C |
| 08. | C | 38. | B | 68. | B |
| 09. | A | 39. | B | 69. | D |
| 10. | C | 40. | C | 70. | C |
| 11. | D | 41. | A | 71. | B |
| 12. | B | 42. | C | 72. | A |
| 13. | A | 43. | A | 73. | B |
| 14. | B | 44. | D | 74. | C |
| 15. | A | 45. | C | 75. | D |
| 16. | B | 46. | B | 76. | D |
| 17. | D | 47. | D | 77. | C |
| 18. | C | 48. | A | 78. | A |
| 19. | A | 49. | C | 79. | B |
| 20. | B | 50. | D | 80. | C |
| 21. | A | 51. | B | 81. | C |
| 22. | B | 52. | A | 82. | D |
| 23. | C | 53. | A | 83. | C |
| 24. | B | 54. | B | 84. | A |
| 25. | A | 55. | D | 85. | D |
| 26. | D | 56. | A | 86. | D |
| 27. | D | 57. | C | 87. | D |
| 28. | A | 58. | D | 88. | C |
| 29. | A | 59. | B | 89. | A |
| 30. | B | 60. | D | 90. | B |

